

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin air minum yang mencukupi semasa menghadapi fenomena El Nino di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dijangka akan mengadakan mesyuarat pertama pada pertengahan bulan Jun 2014.
2. Beberapa langkah persediaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terjejas teruk akibat cuaca panas dan kering pada awal tahun ini. Antaranya ialah melaksanakan operasi pembenihan awan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan musim panas, meneroka penggunaan air bawah tanah dan pemasangan paip bagi penyaluran air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat.

3. Selain tindakan dari pihak Kerajaan, kerjasama semua pihak diperlukan bagi mengurangkan impak fenomena El Nino terhadap bekalan air di seluruh negara. Oleh itu, saya menyeru para pengguna untuk membudayakan penggunaan air secara berhemat. Pengguna-pengguna industri pula disarankan untuk mengambil langkah-langkah alternatif seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino.
